Vol. 8, Number 1, 2026, pp: 118-134

BORNEO INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION
Published by Penerbit Universiti Malaysia Sabah
E-ISSN 2710-7361
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/bije



How to cite this article:
Sulaiman, A. A., & Fauzi, M. W. A. H. (2026). Penerimaan dan sokongan guru pendidikan Islam terhadap model khatam al-Quran dalam program J-QAF: Tinjauan literatur sistematik. *Borneo International Journal of Education, 8*(1), 118–134. https://doi.org/10.51200/bije.v8i1.8577

PENERIMAAN DAN SOKONGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP MODEL KHATAM AL-QURAN DALAM PROGRAM J-QAF: TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK

ISLAMIC EDUCATION TEACHERS' ACCEPTANCE AND SUPPORT OF THE KHATAM AL-QURAN MODEL IN THE J-QAF PROGRAM: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW

Ab Aziz Sulaiman[1]*, Muhammad Wafiyudin Ab Halim Fauzi[2]
[1,2]Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

**Corresponding author:*
abaziz@unisza.edu.my

Article Info

Received:
04/09/2026
Accepted:
19/10/2026
Published:
04/11/2026
Keywords:
Al-Quran khatam model (KAQ), acceptance of Islamic education teachers, al-Quran literacy

© 2026 The Author(s). Open access under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY 4.0).

Abstract

The *Khatam* al-Quran (KAQ) model was introduced as a structured method to help students master the recitation of the al-Quran until the end of the 30 *juzuk*, with an emphasis on the *talaqqi musyafahah* method. Through this method, the teachers pl the role of directly guiding students in reciting the al-Quran to ensure accuracy of reading and mastery of correct *tajweed*. This study aims to conduct a systematic literature analysis (SLR) to assess the level of acceptance of Islamic Education Teachers (GPIs) towards the KAQ Model implemented in the j-QAF program in primary schools. This study collects and analyzes relevant previous studies to identify the factors that influence GPI's acceptance of this model, as well as evaluate its effectiveness in improving al-Quran literacy among students. The results of the study show that GPI has a positive level of acceptance towards the implementation of KAQ and recognizes the contribution of this model in improving students' skills in al-Quran reading. However, the implementation of KAQ faces several challenges, including a lack of teaching aids such as *Iqra'* books and al-Quran manuscripts, as well as constraints in terms of the availability of substitute teachers. In addition, the need for regular training and professional development courses was also identified to ensure teachers are always equipped with the latest pedagogical skills. The study also found that school administration support plays an important role in supporting the effectiveness of KAQ implementation. The study suggested several improvements, including the provision of sufficient teaching aids, the addition of training to improve teachers' pedagogical skills, and the integration of technology in the process of teaching and learning al-Quran.

Kata kunci:
Model khatam al-Quran (KAQ), penerimaan guru pendidikan Islam (GPI), literasi al-Quran

Model Khatam Al-Quran (KAQ) diperkenalkan sebagai kaedah yang berstruktur untuk membantu murid menguasai bacaan Al-Quran sehingga tamat 30 juzuk, dengan penekanan kepada kaedah Talaqqi Musyafahah. Melalui kaedah ini, guru berperanan untuk membimbing murid secara langsung dalam bacaan Al-Quran bagi memastikan ketepatan bacaan dan penguasaan tajwid yang betul. Kajian ini bertujuan untuk menjalankan analisis literatur bersistematik (SLR) bagi menilai tahap penerimaan Guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap Model KAQ yang dilaksanakan dalam program j-QAF di sekolah-sekolah rendah. Kajian ini mengumpulkan dan menganalisis kajian terdahulu yang relevan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan GPI terhadap model ini, serta menilai keberkesanannya dalam meningkatkan literasi Al-Quran dalam kalangan murid. Hasil kajian menunjukkan bahawa GPI mempunyai tahap penerimaan yang positif terhadap pelaksanaan KAQ dan mengiktiraf sumbangan model ini dalam meningkatkan kemahiran murid dalam bacaan Al-Quran. Namun, pelaksanaan KAQ menghadapi beberapa cabaran, termasuk kekurangan bahan bantu mengajar seperti buku Iqra' dan mushaf Al-Quran, serta kekangan dari segi ketersediaan guru ganti. Di samping itu, keperluan untuk latihan dan kursus pengembangan profesional secara berkala turut dikenalpasti bagi memastikan guru sentiasa dilengkapi dengan kemahiran pedagogi terkini. Kajian juga mendapati bahawa sokongan pentadbiran sekolah memainkan peranan penting dalam menyokong keberkesanan pelaksanaan KAQ. Kajian mencadangkan beberapa penambahbaikan, termasuklah penyediaan bahan bantu mengajar yang mencukupi, penambahan latihan untuk meningkatkan kemahiran pedagogi guru, dan pengintegrasian teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran Al-Quran.

1.0 Pengenalan

Aktiviti pembelajaran al-Quran merupakan bentuk pendidikan Islam yang terawal di negara ini. Sejak penubuhannya, aktiviti ini telah melalui empat fasa perkembangan. Pada fasa pertama, pembelajaran dilakukan secara tidak formal di rumah guru atau di istana (Sabri & Haron, 1988). Menjelang abad ke-18, bentuk pembelajaran ini berkembang ke fasa kedua dengan institusi pondok yang membangunkan sistem pendidikan secara formal. Institusi ini terus diperluaskan pada abad ke-19, terinspirasi oleh hubungan dengan Indonesia dan Patani. Kemudian pada awal abad ke-20, aktiviti pembelajaran ini berkembang lagi, membawa kepada penubuhan sekolah agama masyarakat atau sekolah agama rakyat, yang juga dikenali sebagai madrasah. Dengan pengenalan Ordinan Pelajaran 1952, mata pelajaran agama Islam mula diajar bersama mata pelajaran pendidikan lain, namun ia hanya diajar pada waktu petang di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Negeri. Keadaan ini berterusan sehingga negara mencapai kemerdekaan (Ishak et al., 2021).

Selepas kemerdekaan, Pelaporan Razak pada tahun 1960 membawa perubahan kepada pendidikan agama Islam, yang kemudiannya diserapkan sepenuhnya ke dalam sistem pendidikan melalui Akta Pendidikan 1961 (Abdullah Ishak, 1995). Dalam era pasca-kemerdekaan, khususnya selepas tahun 1970-an, pendidikan agama Islam mendapat perhatian yang lebih besar dengan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Islam. Sekolah-sekolah ini menggabungkan mata pelajaran aliran sekolah awam dengan pendidikan agama, termasuk pengajaran al-Quran dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah (Ishak et al., 2021). Perkembangan ini selari dengan kemajuan negara, di mana pelbagai penambahbaikan telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. Pada tahun 1983, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah

(KBSR) diperkenalkan, menitikberatkan pendidikan agama Islam, khususnya dalam pembelajaran al-Quran. Pelbagai kajian dan usaha telah dijalankan untuk memperkukuhkan lagi kurikulum ini, termasuk penguasaan al-Quran. Pada tahun 2005, kurikulum j-QAF diwujudkan untuk memperkasakan pendidikan agama Islam dengan matlamat melahirkan murid yang bukan sahaja mampu membaca tetapi juga mengkhatamkan al-Quran sebelum tamat sekolah rendah. Kemudian pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan bagi menggantikan KBSR. Kurikulum baharu ini terus menekankan pendidikan al-Quran, melanjutkan usaha memperkukuhkan pendidikan agama Islam, khususnya dalam aktiviti pembelajaran al-Quran (Ishak et al., 2021).

Program j-QAF adalah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, bekas Perdana Menteri Malaysia Kelima, pada tahun 2004. Program ini bertujuan untuk memperkasakan mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Kurikulum Pendidikan Islam. Matlamat utama program j-QAF adalah untuk melahirkan murid sekolah rendah yang mampu membaca dan mengkhatamkan al-Quran, menguasai asas bahasa Arab, mengamalkan asas Fardu Ain, dan boleh membaca serta menulis Jawi dengan baik. Keberhasilan program ini adalah seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan generasi muda memiliki asas keagamaan yang kukuh (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Dalam konteks sistem pendidikan sesebuah negara, terdapat tiga komponen utama yang harus diberi perhatian, iaitu kurikulum, infrastruktur, dan sumber manusia. Komponen-komponen ini saling berkait dalam memastikan keberkesanan sistem pendidikan (Hamdi Ishak et al., 2019). Oleh itu, aspek sumber manusia, khususnya guru, perlu diutamakan melalui proses transformasi yang berterusan. Transformasi ini penting bagi melahirkan modal insan berkualiti tinggi seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Guru bukan sahaja bertindak sebagai pengajar, tetapi juga sebagai fasilitator yang merangkumi peranan sebagai perancang, pemantau, pembimbing, *motivator* dan penilai dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan ini selaras dengan Gelombang Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2 (SKPMg2) yang bertujuan mengembangkan potensi murid secara menyeluruh dan berterusan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Untuk mencapai matlamat program j-QAF, KPM telah melaksanakan pelbagai transformasi dalam model pengajaran dan pembelajaran. Surat Pekeliling Pengkhususan Bilangan 2 Tahun 2015 memperkenalkan norma baharu bagi GPI di sekolah rendah, yang menjadi panduan penting dalam pelaksanaan program ini. Oleh itu, pengurusan program, sokongan dan kemudahan, serta bimbingan dan pemantauan harus diutamakan oleh pihak berwajib bagi memastikan kejayaan program ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Salah satu elemen utama dalam program j-QAF ialah Model Khatam Al-Quran (KAQ), yang menggunakan kaedah kolaboratif untuk memastikan semua pelajar Islam dapat mengkhatamkan al-Quran. Melalui kaedah *Talaqqi Musyafahah*, Model KAQ memfokuskan kepada hafazan dan tilawah al-Quran secara berstruktur dan kolaboratif. Ini memastikan pelajar tidak hanya dapat membaca tetapi juga memahami dan menghayati kandungan al-Quran (Hamdi Ishak et al., 2019; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Pelaksanaan Model KAQ diperkukuhkan melalui integrasi GPI di bawah satu jenama yang dikenali sebagai Norma Baharu Guru

Pendidikan Islam GPI. Ini bertujuan untuk menganjurkan kolaborasi guru dalam pengajaran al-Quran dengan lebih sistematik dan teratur dalam jadual waktu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Bagi memastikan keberkesanan model ini, pengurusan yang sistematik dan berkala adalah amat penting. Pengajaran dan pembelajaran al-Quran memerlukan tumpuan kepada kemahiran lisan, kefasihan bacaan, dan penguasaan tajwid yang betul. Ini termasuk kemahiran bacaan *tahqiq, hadar, tadwir* dan *tartil* (Hamdi Ishak et al., 2019).

Justeru, kajian ini bertujuan untuk melaksanakan tinjauan literatur bersistematik untuk menganalisis tahap penerimaan GPI terhadap model KAQ serta keberkesanan model ini. Walaupun terdapat beberapa kajian lepas mengenai program j-QAF, kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada pencapaian akademik murid secara individu. Terdapat jurang ketara dalam literatur semasa yang secara komprehensif mensintesis persepsi, kesediaan, dan penerimaan GPI terhadap Model KAQ di bawah norma baharu, berserta analisis mendalam terhadap cabaran pengurusannya. Oleh itu, kajian tinjauan literatur bersistematik (SLR) ini dijalankan untuk merapatkan jurang tersebut dengan menjawab tiga persoalan kajian utama:

1. Apakah tahap penerimaan dan persepsi GPI terhadap pelaksanaan Model KAQ dalam program j-QAF?
2. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan GPI dan keberkesanan pelaksanaan Model KAQ?
3. Apakah cabaran utama yang dihadapi dalam pelaksanaan Model KAQ di sekolah rendah?

2.0 Sorotan Literatur

Kaedah j-QAF merupakan akronim bagi Jawi, Al-Quran, Arab, dan Fardu Ain. Kaedah ini bertujuan untuk menyelaraskan ilmu yang diperoleh pelajar dalam bentuk kemampuan membaca Al-Quran, berbahasa Arab, dan menulis dalam tulisan Jawi ke tahap yang optimum. Secara praktikal, ia diaplikasikan dalam kehidupan seharian melalui amalan Fardhu Ain seperti solat, puasa Ramadan, dan amalan lain yang mendorong pembentukan akhlak terpuji, hasil penerapan nilai-nilai Islam dalam diri pelajar (Muhammad Raihan Nasucha et al., 2022).

Masalah utama yang dihadapi oleh kaedah j-QAF ialah kelemahan dalam kemahiran membaca Al-Quran dalam kalangan pelajar. Peratusan pelajar yang mampu menghafaz Al-Quran juga masih rendah, menunjukkan keperluan untuk pendekatan yang lebih berkesan dalam memperbaiki pencapaian dalam aspek ini. Oleh itu, Model KAQ (Khatam Al-Quran) dalam kurikulum j-QAF adalah satu pendekatan kolaboratif yang bertujuan untuk memastikan semua murid Islam mampu mengkhatamkan Al-Quran dengan kaedah *Talaqqi Musyafahah*. Kaedah ini menekankan interaksi langsung antara guru dan murid, di mana bacaan Al-Quran disemak secara lisan untuk memastikan ketepatan sebutan dan hukum tajwid. Objektif utama Model KAQ termasuklah memastikan murid (Raja Abdullah Raja Ismail & Saidi Mohd, 2018):

(i) Menguasai sukatan *Iqra'* 1 hingga 6,
(ii) Membaca Al-Quran dengan lancar dan bertajwid,
(iii) Menyelesaikan bacaan surah-surah yang telah ditetapkan, dan
(iv) Mengkhatamkan 30 juzuk Al-Quran.

KPM juga telah memperkenalkan Garis Panduan Pelaksanaan Program j-QAF yang bertujuan untuk menyusun dan menyelaraskan fungsi GPI dan Guru j-QAF di bawah satu jenama. Garis panduan ini memberi penekanan kepada pengurusan yang sistematik dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Al-Quran, termasuk Model KAQ. Nisbah guru yang teratur membolehkan kolaborasi yang lebih berkesan dalam pelaksanaan PdP Al-Quran dan *Tasmik*, di mana aspek kemahiran lisan, kelancaran bacaan, serta tajwid menjadi fokus utama. PdP Al-Quran menitikberatkan kemahiran bacaan seperti *fasahah*, *tahqiq, hadar, tadwir,* dan *tartil* (Hamdi Ishak et al., 2019).

Penting untuk difahami bahawa sukatan pelajaran KAQ tidak boleh diselesaikan dengan cepat. Bacaan Al-Quran memerlukan tempo *tartil* yang sesuai, di mana setiap huruf dan makhrajnya dijelaskan dengan betul, membolehkan murid bertadabbur seperti yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Ulamak Al-Quran juga bersepakat bahawa membaca dengan terlalu cepat adalah makruh, kerana boleh menyebabkan kesalahan dalam sebutan huruf, baris, dan tanda bacaan yang wajib diikuti (al-Maliki, 2010).


Bagi murid yang masih lemah, terutamanya mereka yang berada di tahap *Iqra'*, bimbingan tambahan di luar waktu PdP sangat diperlukan untuk memastikan mereka tidak ketinggalan. Dalam konteks ini, usaha mengadakan Kem Literasi Al-Quran adalah satu langkah proaktif untuk mengatasi kelemahan bacaan. Sokongan dalam bentuk bahan bantu mengajar seperti *mushaf* Al-Quran bertajwid dan berwarna, buku *Iqra'*, buku panduan dasar, peruntukan tenaga guru yang mencukupi, serta bahan latihan adalah penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Model KAQ dalam program j-QAF. Aspek-aspek ini bukan sahaja membantu memperbaiki kelemahan murid, tetapi juga memperkukuh sistem pendidikan agama di sekolah rendah dan menengah (Raja Abdullah Raja Ismail & Saidi Mohd, 2018).

3.0 Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah Tinjauan Literatur Bersistematik (SLR) berpandukan garis panduan PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) (Page et al., 2021).

3.1 Strategi Carian dan Rentetan Carian (*Search String*)

Carian literatur dilaksanakan merentasi pangkalan data utama *iaitu Google Scholar, Research Gate, dan Science Direct.* Rentetan carian yang digunakan diselaraskan mengikut fokus kajian:



Rajah 1. Model PRISMA (Page et al., 2021)

3.2 Fasa Pengenalpastian

Penggunaan kaedah tinjauan literatur bersistematik ini mengaplikasikan kaedah carian di setiap pangkalan data dengan menggunakan kata kunci yang bersesuaian dengan tujuan kajian semasa. Kata kunci yang digunakan untuk mendapatkan data kajian termasuklah aplikasi Model KAQ, dan J-QAF.

Sebanyak 44 artikel dikenal pasti daripada pangkalan data (*Google Scholar: 34, Research Gate: 9, Science Direct: 2*). Sebanyak 14 artikel dikecualikan kerana diterbitkan sebelum tahun 2018 atau bukan artikel kajian empirikal, menjadikan 30 artikel untuk saringan lanjut. Pengkaji telah memilih artikel yang terkini supaya kajian berkaitan dengan penerimaan GPI terhadap Model KAQ kekal relevan untuk dikaji dalam kajian semasa. Hal ini memandangkan Model KAQ telah diperkenalkan sejak 2005. Justeru, penerimaan GPI terhadap model ini dalam kajian-kajian lama mungkin tidak relevan untuk dikaji dalam kajian semasa. Artikel yang digunakan dalam kajian semasa telah diteliti dengan baik supaya ia memenuhi tujuan dan fokus kajian. Justeru, segala maklumat yang tidak berkaitan dengan tujuan kajian tidak akan

dimasukkan dalam kajian semasa.

3.3 Fasa Penapisan

Fasa penapisan melibatkan saringan terhadap artikel yang dikenal pasti mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Daripada 30 artikel tersebut, semakan mendapati terdapat 5 artikel pendua yang dikeluarkan. Seterusnya, 15 artikel disingkirkan kerana tidak menepati fokus utama kajian (bukan berkaitan Model KAQ). Baki sebanyak 10 artikel diteruskan ke fasa kelayakan. Jadual 1 di bawah menunjukkan kriteria pemilihan artikel dalam kajian ini:

Jadual 1. Kriteria Pemilihan Artikel

Kriteria	Kelayakan	Pengecualian
Jenis Literatur	Jurnal (Artikel Kajian) dan Prosiding Seminar/Persidangan rasmi	Buku teks, Tinjauan Sistematik sedia ada, laporan tidak rasmi
Bahasa	Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu	Selain daripada Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu
Tahun Penerbitan	2018 - 2024	Kurang daripada tahun 2018
Negara	Malaysia dan kajian serantau rumpun Melayu yang berkaitan (Contoh: Indonesia bagi perbandingan kaedah)	Negara luar rantau Nusantara yang tidak mengamalkan sistem j-QAF

3.4 Fasa Kelayakan

Dalam fasa kelayakan, pengkaji melaksanakan penilaian terhadap artikel yang telah menepati kriteria pemilihan. Penilaian artikel menggunakan kaedah kualitatif dengan menetapkan artikel kepada tahap rendah, sederhana, dan tinggi, di mana terdapat tiga artikel contoh yang menepati setiap tahap. Penilaian pertama melibatkan saringan artikel yang berkaitan dengan abstrak yang dapat menjawab persoalan kajian. Berdasarkan proses penilaian pertama ini, sebanyak 10 artikel telah dipilih. Kemudian, proses penilaian kedua melibatkan saringan artikel yang telah membuat tinjauan literatur bersistematik yang serupa dengan kajian semasa. Akhirnya, hanya 9 artikel yang diterima untuk tujuan tinjauan literatur bersistematik dalam kajian ini.

3.5 Fasa Kemasukan

Akhirnya, sebanyak 9 artikel berkualiti diterima dan disintesis secara tematik dalam kajian ini. Artikel yang terpilih dinilai dari segi tahap kerelevanan dan kualiti metodologi kepada rendah, sederhana, atau tinggi. Analisis tematik dijalankan bagi mengkategorikan dapatan kepada tiga tema utama: (i) Tahap penerimaan dan persepsi GPI, (ii) Faktor yang mempengaruhi penerimaan dan kejayaan model, serta (iii) Cabaran pelaksanaan Model KAQ.

4.0 Dapatan dan Perbincangan

Sebanyak 9 artikel telah dikenal pasti mempunyai perbincangan yang berkaitan dengan penerimaan GPI terhadap model KAQ. Dapatan yang diperoleh telah diringkaskan dan disusun secara bersistematik seperti yang dibentangkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2. Ringkasan Tinjauan Literatur Bersistematik

Bil	Kajian	Objektif	Metodologi & Sampel	Dapatan
1	*Learning and Student's Achievement Factors in J-QAF Khatam Al-Quran Model* Hamdi Ishak et al. (2019)	Kajian bertujuan untuk mengukur tahap pengamalan faktor pembelajaran murid dalam Model KAQ j-QAF	Kajian kuantitatif dengan 291 murid sebagai sampel kajian	Kajian ini mendapati pencapaian murid dari segi gred pemarkahan berada pada tahap cemerlang, namun tahap khatam bacaan masih berada pada tahap sederhana. Dapatan menunjukkan tiada perbezaan signifikan dalam pencapaian berdasarkan jantina, tetapi terdapat perbezaan ketara dari segi jenis sekolah. Dari aspek amalan faktor pembelajaran, nilai min bagi faktor pengajaran guru dan persekitaran adalah sederhana tinggi, manakala amalan faktor ibu bapa dan sikap murid berada pada tahap sederhana rendah. Selain itu, kajian mendapati tiada perbezaan signifikan dalam amalan faktor pembelajaran mengikut jantina. Walau bagaimanapun, berdasarkan jenis sekolah, hanya faktor persekitaran yang menunjukkan perbezaan signifikan, sementara faktor guru, ibu bapa, dan sikap murid tidak menunjukkan perbezaan ketara.
2	*The Relationhip between Teachers' Perceptions of the Implementation of the Khatam Al-Quran Model and the Tasmik Program with Management Commitment.* Raja Abdullah Raja Ismail & Azizul Hassan (2024)	Kajian bertujuan untuk mengenalpasti hubungan persepsi guru terhadap pelaksanaan Model KAQ dan Model Tasmik Al-Quran (TAQ) dalam program j-QAF dengan komitmen pengurusan.	Kajian kuantitatif dengan 216 GPI sebagai sampel kajian	Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan Model KAQ dan *Tasmik* Al-Quran (TAQ) berada pada tahap tinggi dengan nilai min keseluruhan masing-masing 3.86 dan 4.03. Persepsi guru terhadap KAQ mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan komitmen pengurusan, dengan pekali korelasi keseluruhan ($rs=0.545$, $p<0.000$). Pekali korelasi bagi setiap komponen ialah ($rs=0.274$, $p<0.041$) untuk pengurusan program j-QAF,

Bil	Kajian	Objektif	Metodologi & Sampel	Dapatan
				(rs=0.508, p<0.000) untuk sokongan dan kemudahan, dan (rs=0.459, p<0.000) untuk bimbingan dan pemantauan. Begitu juga, persepsi guru terhadap TAQ juga mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan komitmen pengurusan, dengan pekali korelasi keseluruhan (rs=0.601, p<0.000). Pekali korelasi bagi setiap komponen ialah (rs=0.405, p<0.002) untuk pengurusan program j-QAF, (rs=0.379, p<0.004) untuk sokongan dan kemudahan, dan (rs= 0.449, p<0.001) untuk bimbingan dan pemantauan. Aspek yang memerlukan perhatian termasuklah bimbingan dan pemantauan, keperluan guru, kelemahan murid, dan kursus latihan dan pembangunan profesional untuk guru mencapai kejayaan maksimum dalam melaksanakan Model KAQ dan TAQ.
3	Model Khatam Al-Quran dan Tasmik Program j-QAF Berdasarkan Norma Baharu Guru Pendidikan Islam: Tinjauan dalam Daerah Kuala Nerus, Terengganu. Raja Abdullah Raja Ismail & Saidi Mohd (2018)	Kajian bertujuan untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan Model KAQ dan TAQ Program j-QAF berdasarkan dimensi pengurusan program, pelaksanaan Model KAQ, pelaksanaan Model TAQ, sokongan dan kemudahan serta bimbingan dan pemantauan.	Kajian kuantitatif dengan 56 GPI sebagai sampel kajian	Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan KAQ dan TAQ berada pada tahap tinggi dengan nilai min keseluruhan (min=3.93). Setiap dimensi mencatatkan nilai min seperti berikut: pengurusan Program j-QAF (min=3.96), Model KAQ (min=3.85), Model TAQ (min=3.97), sokongan dan kemudahan (min=4.02), serta bimbingan dan pemantauan (min=3.55). Tumpuan perlu diberikan kepada aspek bimbingan dan pemantauan, keperluan guru, kelemahan murid, serta latihan dan kursus bagi meningkatkan profesionalisme guru demi mencapai hasil yang optimum.

Bil	Kajian	Objektif	Metodologi & Sampel	Dapatan
4	Kajian Keberkesanan Iqra' Berbanding Kaedah *Baghdadu, Al-Barqy dan Abahata Al-Jabari* Terhadap Kemenjadian Murid di Daerah Pekan Pahang. Azrul Hisyam Mohamad Rasidi & Muhammad Fadlly Ismail (2023).	Kajian bertujuan untuk mengenalpasti keberhasilan kaedah Iqra' yang dilaksanakan dalam PdPc khatam al-Quran dan *tasmik* di seluruh sekolah kebangsaan daerah Pekan, Pahang.	Kajian kuantitatif dengan 100 orang murid, 40 orang GPI, dan 41 orang ibu bapa sebagai sampel kajian.	Kajian ini mendapati pencapaian al-Quran murid di daerah Pekan berada pada tahap sederhana, dengan 51.57% murid menunjukkan penguasaan. Persepsi guru terhadap kaedah *Iqra'* berada pada tahap sederhana dengan min purata 3.63, manakala persepsi murid terhadap kaedah ini berada pada tahap tinggi dengan min purata 3.91, diikuti oleh persepsi ibu bapa pada tahap tinggi dengan min purata 3.71. Hasil daripada kaedah pemerhatian, temubual, dan kajian perpustakaan pula menunjukkan bahawa kaedah *al-Baghdadi, al-Barqy, dan Abahata al-Jabari* berpotensi memberikan impak yang lebih positif dalam meningkatkan kemahiran al-Quran murid di daerah Pekan, selaras dengan tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
5	Analisis Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Berdasarkan Model *Khatam* Al-Quran dan Model *Tasmik* j-QAF Sapie Sabilan et al. (2018).	Kajian bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan bacaan al-Quran murid berdasarkan model KAQ dan model *Tasmik* j-QAF.	Kajian campuran kuantitatif dan kualitatif dengan 136 murid sebagai sampel kajian	Dapatan kajian menunjukkan bahawa 70.6% murid telah menguasai bacaan al-Quran, 19.9% berada pada tahap sederhana, dan 9.5% masih pada tahap lemah. Matlamat utama program ini adalah untuk memastikan semua murid dapat *khatam* al-Quran bersama guru. Walau bagaimanapun, masih ada murid yang belum mencapai tahap penguasaan bacaan al-Quran. Secara keseluruhan, kajian mendapati keberkesanan pelaksanaan dari segi input dan produk telah memenuhi piawaian yang ditetapkan. Namun, aspek penilaian konteks dan proses perlu dipertingkatkan bagi memperbaiki tahap pencapaian murid.

Bil	Kajian	Objektif	Metodologi & Sampel	Dapatan
6	*Student Learning Factors in J-QAF Khatam Al-Quran Model* Ishak et al. (2021)	Kajian bertujuan untuk menyiasat faktor pembelajaran murid dalam Model KAQ j-QAF.	Kajian kualitatif dengan melaksanakan analisis dokumen.	Kajian mendapati kesediaan guru melaksanakan aktiviti pengajaran berada pada tahap yang tinggi, komitmen dan tahap pelaksanaan juga berada pada tahap yang tinggi, namun pencapaian murid dalam tilawah al-Quran masih pada tahap sederhana. Sebabnya adalah disebabkan oleh faktor yang berbeza. dalam perspektif epistemologi pengajian Islam yang mempengaruhi penguasaan ilmu khususnya pembelajaran al-Quran. Faktor-faktor ini adalah faktor keluarga yang ditunjangi oleh peranan ibu bapa, faktor persekitaran, dan sikap diri memainkan peranan yang signifikan dalam pendidikan. Faktor-faktor ini akan didedahkan untuk mengembangkan peranannya. membantu penguasaan murid dalam mempelajari al-Quran.
7	Pelaksanaan Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab, Fardu Ain (j-QAF) dalam Program Pendidikan Khas Integrasi Safarina Ujang & Norshidah Mohamad Salleh (2018)	Kajian bertujuan untuk mengenalpasti pengetahuan GPI dalam melaksanakan j-QAF dalam program Pendidikan Khas.	Kajian kualitatif *meta-analisis*.	Hasil analisis artikel ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan GPI mengenai pelaksanaan j-QAF dalam Program Pendidikan Khas masih sangat rendah. Sementara itu, tahap kesediaan mereka untuk melaksanakan j-QAF dalam Program Pendidikan Khas Integrasi berada pada tahap sederhana, dengan keperluan untuk memperkukuh pedagogi pengajaran bagi Murid Berkeperluan Khas. Penemuan daripada artikel ini dijangka dapat meningkatkan pengetahuan, memperbaiki amalan pengajaran, serta memperkukuh pelaksanaan j-QAF dalam Program Pendidikan Khas Integrasi.

Bil	Kajian	Objektif	Metodologi & Sampel	Dapatan
8	Optimalisasi Penggunaan Metode j-QAF dengan Metode Neurosains dalam Pembelajaran Al-Quran. Muhammad Raihan Nasucha, Nurwaachidah, & Thoifah (2022).	Kajian bertujuan untuk mengkaji perkaitan antara kaedah J-Qaf dan Neurosains dalam mengoptimumkan kaedah pembelajaran al-Quran.	Kajian kualitatif menggunakan kajian perpustakaan	Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah Neurosains dapat mengoptimumkan penggunaan kaedah J-QAF dalam pembelajaran Al-Quran dengan menggunakan tiga pendekatan iaitu *neurogenesis*, neuroplastik, dan memberi motivasi. Dengan inovasi kaedah J-Qaf yang digandingkan dengan kaedah Neurosains, diharapkan masalah pembelajaran al-Quran dapat diselesaikan.
9	Model Baru Pengajaran Al-Quran Menggunakan Kaedah *Iqra'* Shahrulanuar Mohamed et al. (2021).	Kajian bertujuan untuk mengenalpasti faktor penguasaan kaedah *Iqra'* murid tahun satu di sekolah-sekolah rendah di daerah Muar.	Kajian kuantitatif dengan 100 orang murid sebagai sampel kajian.	Hasil analisis menunjukkan bahawa penguasaan murid dalam kaedah *Iqra'* berada pada tahap lemah dan perlu ditingkatkan. Kajian mendapati beberapa faktor yang menyumbang kepada keadaan ini. Oleh itu, penyelidik mencadangkan model baru yang lebih tersusun dan mudah menggunakan kaedah *Iqra'* untuk memperbaiki penguasaan murid dalam pembelajaran al-Quran. Langkah ini diharapkan dapat menyokong hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan murid yang dapat mengkhatamkan al-Quran sebelum melanjutkan ke sekolah menengah.

4.1 Penerimaan Guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap Model KAQ

Sokongan terhadap penerimaan positif ini diperkukuhkan lagi oleh kajian Raja Abdullah Raja Ismail dan Azizul Hassan (2024) yang memberikan pandangan mendalam mengenai persepsi GPI terhadap pelaksanaan Model KAQ. Mereka mendapati bahawa GPI menerima baik dan melaksanakan arahan KAQ tiga kali seminggu, mematuhi jadual yang ditetapkan, serta mengaplikasikan pendekatan *Talaqqi* dan *Musyafahah* secara konsisten. Pendekatan *Talaqqi* dan *Musyafahah* ini diterima baik oleh guru kerana ia menekankan kaedah pengajaran bersemuka di mana guru dapat membimbing bacaan murid secara langsung dan memastikan kesilapan diperbaiki serta-merta. Hal ini menunjukkan bahawa guru bukan sahaja mempunyai penerimaan yang baik terhadap arahan pelaksanaan, malah memahami kepentingan pendekatan tersebut. Penemuan ini membuktikan bahawa GPI mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 2 Tahun 2015 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015) yang mengarahkan pelaksanaan norma baharu GPI di sekolah rendah. Pematuhan ini mencerminkan kesungguhan dan penerimaan tinggi guru dalam memastikan objektif program j-QAF tercapai sepenuhnya. Dari aspek kesediaan dan kemahiran kendiri guru, Raja Abdullah Raja Ismail dan Saidi Mohd (2018) merumuskan bahawa kefahaman dan pengurusan guru

dalam program j-QAF berada pada tahap yang baik, di mana pengintegrasian GPI dan guru j-QAF di bawah satu entiti telah memudahkan pelaksanaan Model KAQ serta mengurangkan beban pentadbiran guru. Walau bagaimanapun, penerimaan dan kesediaan ini berbeza apabila melibatkan konteks pendidikan khas. Kajian oleh Safarina Ujang dan Norshidah Mohamad Salleh (2018) yang memfokuskan pada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) mendapati bahawa tahap penerimaan dan kesediaan GPI untuk melaksanakan Model KAQ berada pada tahap sederhana. Walaupun GPI menunjukkan kesediaan untuk melaksanakan pengajaran bacaan dan hafazan, mereka menghadapi cabaran penerimaan dan penyesuaian dalam mengadaptasi model tersebut untuk murid-murid PPKI akibat kekangan latihan khusus.

4.2 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penerimaan GPI dan Keberhasilan Model KAQ

Menurut Raja Abdullah Raja Ismail dan Azizul Hassan (2024), sokongan pihak pentadbir terhadap GPI memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Model KAQ. Sokongan ini tidak hanya terbatas kepada pengiktirafan peranan guru, tetapi juga merangkumi penyediaan kemudahan dan peruntukan tenaga kerja yang mencukupi mengikut nisbah yang ditetapkan dalam garis panduan pelaksanaan. Penyediaan guru yang mencukupi adalah kritikal untuk mengelakkan gangguan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), terutama apabila guru terlibat dalam kursus atau aktiviti luar sekolah. Raja Abdullah dan Saidi Mohd (2018) turut menekankan pentingnya penyediaan guru gantian untuk memastikan kelancaran PdP KAQ ketika guru kolaborasi tidak berada di dalam kelas.

Selain itu, ketersediaan bahan bantu mengajar (BBM) seperti *Mushaf* Al-Quran, buku *Iqra'*, dan bahan latihan turut menjadi elemen penting dalam menyokong aktiviti pengukuhan PdP. Kekurangan BBM boleh mengganggu proses pembelajaran, terutama dalam memastikan murid memahami dan menguasai bacaan Al-Quran dengan betul. Oleh itu, pentadbir perlu memastikan BBM sentiasa mencukupi dan tersedia.

Bimbingan berterusan melalui lawatan pemantauan dan penyeliaan juga memainkan peranan penting dalam mengenal pasti kekuatan dan kelemahan PdP guru. Proses ini membolehkan pentadbir dan penyelia memberikan maklum balas yang konstruktif untuk memperbaiki kualiti pengajaran. Dalam kajian mereka, Raja Abdullah dan Saidi Mohd (2018) mencadangkan bahawa penyeliaan berkala ini membantu memastikan bahawa PdP berjalan dengan lancar dan mengikut objektif yang ditetapkan. Sokongan terhadap profesionalisme GPI juga melibatkan penyediaan latihan dan kursus berkala. Latihan ini penting untuk meningkatkan kemahiran pedagogi guru, memastikan mereka sentiasa berupaya menerapkan kaedah pengajaran yang inovatif dan berkesan. Menurut Sapie Sabilan et al. (2018), pemerkasaan aspek pedagogi termasuk pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran yang terkini adalah penting untuk menarik minat murid dalam mempelajari Al-Quran. Latihan berkala juga memberikan guru peluang untuk berkongsi pengalaman dan idea, yang boleh membawa kepada peningkatan mutu pengajaran.

Tambahan pula, pemerkasaan dari aspek kecukupan GPI sangat penting, terutama di sekolah-sekolah dengan bilangan murid yang tinggi. Menurut Sapie

Sabilan et al. (2018), pemerkasaan ini bukan sahaja menyokong kelancaran PdP, tetapi juga meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan Model KAQ. Dengan sokongan yang kukuh dari pihak pentadbir, GPI dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih baik, memastikan murid mencapai tahap penguasaan yang diinginkan dalam bacaan Al-Quran.

Kesimpulannya, sokongan pentadbir, penyediaan BBM, pemantauan berterusan, dan latihan berkala adalah elemen penting yang perlu diutamakan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Model KAQ. Hanya dengan gabungan usaha ini, matlamat untuk melahirkan murid yang fasih dan mahir dalam bacaan Al-Quran dapat direalisasikan.

4.3 Cabaran Pelaksanaan Model Khatam Al-Quran

Pelaksanaan Model KAQ dalam program j-QAF menunjukkan beberapa cabaran yang memerlukan perhatian. Salah satu isu utama ialah penyediaan guru ganti apabila rakan pengajar kolaboratif tiada. Raja Abdullah Raja Ismail dan Azizul Hassan (2024) menekankan bahawa ketiadaan guru ganti boleh mengganggu keberkesanan pengajaran KAQ, terutama bagi pelajar yang memerlukan bimbingan tambahan di luar waktu kelas biasa.

Dalam konteks nisbah guru-murid, garis panduan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015) mencadangkan nisbah yang ideal: satu guru untuk 14 murid, dua guru untuk 15 hingga 29 murid, dan tiga guru untuk 30 hingga 49 murid. Namun, kekangan kekurangan guru menyebabkan pentadbiran sekolah sukar mematuhi nisbah ini sepenuhnya, yang akhirnya memberi impak negatif kepada pengurusan kelas semasa sesi pengajaran al-Quran (Sapie Sabilan et al., 2018).

Selain daripada kekangan guru, penggunaan bahan bantu mengajar juga menjadi isu kritikal. Hamdi Ishak et al. (2019) mendapati bahawa guru lebih cenderung menggunakan bahan tradisional seperti Buku *Iqra'*, al-Quran, dan papan hitam, sementara bahan multimedia kurang digunakan. Kekurangan dalam penggunaan bahan bantu ini mungkin mengurangkan keberkesanan pengajaran, meskipun kemampuan pengajaran guru berada pada tahap yang cemerlang. Ini menunjukkan keperluan untuk memperkayakan pengajaran dengan bahan yang lebih interaktif dan menarik.

Tambahan lagi, tugas tambahan yang dibebankan kepada guru seperti mengajar kelas ganti, menghadiri acara rasmi, menyelia disiplin pelajar, dan terlibat dalam pelbagai jawatankuasa, memberikan tekanan dan menghalang mereka daripada memberikan bimbingan intensif kepada murid yang lemah. Kajian Azrul Hisyam Mohamad Rasidi dan Muhammad Fadlly Ismail (2023) serta Ishak et al. (2021) menyokong bahawa kekangan masa ini menjadi salah satu sebab utama murid sukar menamatkan bacaan *Iqra'*. Beban kerja guru akan menjadi lebih berat jika bilangan murid dalam kumpulan pembelajaran melebihi nisbah yang disyorkan.

Terakhir, faktor sikap murid juga menyumbang kepada cabaran pelaksanaan KAQ. Azrul Hisyam Mohamad Rasidi dan Muhammad Fadlly Ismail (2023) menyatakan bahawa sikap murid yang kurang fokus, serta penggunaan buku *Iqra'* yang dianggap kurang menarik, menyukarkan proses pembelajaran. Ini menunjukkan keperluan untuk inovasi dalam bahan pengajaran dan pendekatan pengajaran yang lebih

engaging untuk menarik minat murid.

4.4 Keberhasilan Model Khatam Al-Quran kepada Murid

Dalam kajian Hamdi Ishak et al. (2019), penilaian terhadap kefahaman bacaan dilakukan untuk menilai pencapaian murid dalam menguasai bacaan al-Quran, sama ada dengan menyempurnakan bacaan secara individu atau dengan bimbingan guru. Hasil kajian menunjukkan bahawa seramai 160 responden, atau 55%, berjaya khatam al-Quran. Ini merupakan pencapaian yang positif, memandangkan majoriti murid telah khatam al-Quran walaupun masih di darjah lima dan mempunyai masa lebih setahun lagi untuk menyempurnakan bacaan. Dapatan kajian ini turut disokong oleh Muhammad Raihan Nasucha et al. (2022) yang menyebut bahawa model KAQ dapat membantu meningkatkan penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid. Kajian daripada Sapie Sabilan et al. (2018) juga menunjukkan pendekatan model KAQ membantu murid mencapai tahap kualiti bacaan al-Quran yang memuaskan. Selain itu, Sapie Sabilan et al. (2018) juga menunjukkan bahawa murid sangat berpuas hati dengan pembelajaran al-Quran di sekolah kerana ia memberi manfaat dan faedah dalam kehidupan seharian mereka.

Walaubagaimanapun, kajian daripada Azrul Hisyam Mohamad Rasidi dan Muhammad Fadlly Ismail (2023) melaporkan sebahagian kecil murid masih berdepan cabaran penguasaan asas *Iqra'*. Hal ini menunjukkan bahawa kejayaan murid sangat bergantung kepada kecekapan fasilitasi guru dan sokongan persekitaran pembelajaran. Dapatan ini turut disokong kajian daripada Shahrulanuar Mohamed et al. (2021) yang menunjukkan tahap penguasaan bacaan *Iqra'* murid berada pada tahap yang rendah. Ishak et al. (2021) turut mengatakan bahawa walaupun aspek kurikulum j-QAF dapat meningkatkan tahap literasi al-Quran dalam kalangan murid, namun penguasaan murid dalam bacaan al-Quran masih belum mencapai matlamat yang dihasratkan. Tambah Ishak et al. (2021) lagi, faktor pengajaran GPI mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap aktiviti pembelajaran murid. GPI bertindak sebagai fasilitator yang membantu murid dalam proses pembelajaran. Pencapaian murid dalam pembelajaran amat dipengaruhi oleh keberkesanan pendekatan yang diterapkan oleh guru, termasuklah dalam pendidikan al-Quran.

5.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, Tinjauan Literatur Bersistematik (SLR) ini mengesahkan bahawa GPI mempunyai tahap penerimaan dan komitmen yang positif terhadap pelaksanaan Model KAQ dalam program j-QAF. Sumbangan utama kajian ini adalah memberikan peta pemetaan empirikal kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pentadbir sekolah untuk memperkasakan aspek bimbingan pedagogi, penyediaan bahan bantu mengajar, serta penyelesaian isu beban tugas dan guru ganti. Dengan penambahbaikan berterusan ini, matlamat fasa transformasi pendidikan Islam untuk melahirkan murid yang fasih dan khatam al-Quran sebelum tamat sekolah rendah dapat direalisasikan dengan lebih berkesan.

6.0 Acknowledgement:

The authors would like to express their sincere gratitude to Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) for the support, facilities, and research resources provided.

7.0 Conflict of Interest Statement:

The authors declare that there is no conflict of interest regarding the publication of this article.

8.0 Research and Publication Ethics Statement:

This article is conceptual in nature and does not involve human participants or the collection of primary data. Therefore, ethical approval and informed consent were not required. The authors confirm that the manuscript is original and complies with established principles of academic integrity and publication ethics.

9.0 Author Contributions:

All authors contributed to the conceptualisation, literature review, critical analysis and synthesis of existing literature, and preparation of the manuscript. All authors reviewed and approved the final version of the manuscript and take full responsibility for its content.

10.0 Data Availability Statement:

Data availability is not applicable to this article as no new empirical data were generated or analysed.

11.0 AI Disclosure Statement:

The authors declare that no generative Artificial Intelligence (AI) or AI-assisted technologies were substantively used in the preparation of this manuscript.

12.0 Funding Information:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

13.0 Rujukan

Abdullah Ishak (1995). Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka.

al-Maliki, S. M. (2010). Keistimewaan-keistimewaan Al-Qur'an (*Khasāis al-Qu'rān*). terj. Nur Faizin, S. A. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.

Azrul Hisyam Mohamad Rasidi & Muhammad Fadlly Ismail (2023). Kajian Keberkesanan Iqra' Berbanding Kaedah Baghdadi, Al-Barqy dan Abahata Al-Jabari Terhadap Kemenjadian Murid di Daerah Pekan Pahang. *Jurnal al-Sirat,* 23(1), 32-53. https://doi.org/10.64398/alsirat.v23i1.277

Hamdi Ishak, Mohd Hanafi Mamat, Mohd FaizulAmri Mohd Saad & Sabri Mohamad (2019). Learning and Student's Achievement Factors in J-QAF Khatam Al-Quran Model. *Islamiyyat,* 41(2), 29-38. https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2019-4001-04

Ishak, Mamat, Mohd Saad, Mohamad, Mohad Aderi Che Noh, Miftachul Huda, & Maseleno (2021). Student Learning Factors in J-QAF Khatam Al-Quran Model. *Annals of the Romanian Society for Cell Biology,* 25(2), 291-300. http://annalsofrscb.ro/index.php/journal/article/view/951

Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Malaysia Education Development Plan 2013-2025.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). at Pekeliling Ikhtisas Bil. 2 Tahun 2015: Pelaksanaan Norma Baharu Guru Pendidikan Islam (GPI) di Sekolah Rendah KPM.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2).

Muhammad Raihan Nasucha, Nurwaachidah, & Thoifah (2022). Optimalisasi Penggunaan Metode j-QAF dengan Metode Neurosains dalam Pembelajaran Al-Quran. *Al-Ulya: Jurnal Pendidikan Islam,* 7(1), 50-64. http://ejournal.sunan-giri.ac.id/index.php/al-ulya/index

Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., ... Moher, D. (2021). The PRISMA 2020 Statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *BMJ,* 372.

Raja Abdullah Raja Ismail & Azizul Hassan (2024). The Relationhip between Teachers' Perceptions of the Implementation of the Khatam Al-Quran Model and the Tasmik Program with Management Commitment. *International Journal of Religion*, 5(11), 603-615. https://doi.org/10.61707/26zva125

Raja Abdullah Raja Ismail & Saidi Mohd (2018). Model Khatam Al-Quran dan Tasmik Program j-QAF Berdasarkan Norma Baharu Guru Pendidikan Islam: Tinjauan dalam Daerah Kuala Nerus, Terengganu. *Seminar Kebangsaan PdPc Abad ke-21*, 2, 2-10. https://www.academia.edu/36662300/PROSIDING_SEMINAR_KEBANGSAAN_PdPc_Abad_21

Sabri Salamon & Haron Din (1988). Masalah Pendidikan Islam di Malaysia. Al-Rahmaniah.

Safarina Ujang & Norshidah Mohamad Salleh (2018). Pelaksanaan Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab, Fardu Ain (j-QAF) dalam Program Pendidikan Khas Integrasi. *Jurnal Ortopedagogia,* 4(1), 59-65. https://doi.org/10.17977/um031v4i12018p059

Sapie Sabilan, Barinah Ibrahim, Suhana Mohamed Lip, Mohamad Fuad Ishak, & Siti Nga'shah Mohni (2018). Analisis Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam Al-Quran dan Model Tasmik j-QAF. *International Conference on Islamic Education & Research (ICIER 2016),* Langkawi, 1-12.

Shahrulanuar Mohamed, Mohd Zulfadzli Abd Wahab, Nooraini Sulaiman, & Mariam Abd Majid (2021). Model Baru Pengajaran Al-Quran Menggunakan Kaedah Iqra'. *Jurnal Pengajian Islam,* 14(II), 28-42. https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/129